

SURAH ORANG YANG BERSELMUT



Surah: 73 Juzuk: 29 Bil. Ayat: 20

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Wahai orang yang berselimut.⁽¹⁾
2. Bangunlah (bersolat) pada malam hari,⁽²⁾ kecuali sebahagian kecil.
3. (Iaitu) separuhnya atau kurangkan sedikit daripada itu.
4. Atau lebih daripada (seperdua) itu dan bacalah al-Quran dengan «tartil».⁽³⁾
5. Sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (al-Quran yang mengandungi perintah) yang berat (kepadamu).
6. Sesungguhnya bangun malam (bersolat dan beribadat) lebih kuat kesannya (kepada jiwa) dan (bacaan al-Quran pada waktu itu) lebih jelas bacaannya.
7. Sesungguhnya pada waktu siang engkau sibuk dengan urusan yang panjang.
8. Dan sebutlah nama Tuhanmu dan beribadatlah kepadaNya dengan sepenuh hati.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا الْمَزْمِلُ ①

فَرُئِيلَ إِلَّا قَلِيلًا ②

يَضْفَهُ وَأَوْقُضَ مِنْهُ قَلِيلًا ③

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَقِيلَ الْفَرَاءَ أَنْ تَرْتِيلًا ④

إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ⑤

إِنْ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَسَدٌ وَطَأْ وَأَقْوَمُ فَيَلًا ⑥

إِنَّ لَكَ فِي النَّهَارِ سَبْحًا طَوِيلًا ⑦

وَأَذْكُرْ اسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَتَبِيلًا ⑧

1 Yang dimaksudkan adalah Nabi Muhammad s.a.w.

2 Solat malam ini pada mulanya wajib dikerjakan sebelum turun ayat ke 20 dalam surah ini. Setelah ayat ke 20 ini turun, hukumnya menjadi sunat.

3 Tartil ialah bacaan yang jelas dan terang serta betul menurut ilmu tajwid.

9. Dialah Tuhan timur dan barat, tiada tuhan kecuali Dia. Maka jadikanlah Dia sebagai Pelindung.
10. Dan bersabarlah (wahai Muhammad) terhadap apa yang mereka katakan dan jauhkanlah dirimu daripada mereka dengan cara yang baik.
11. Dan biarkanlah Aku sahaja yang bertindak terhadap orang yang mendustakan, iaitu orang yang memiliki segala kenikmatan, dan berilah mereka sedikit masa (tempoh).
12. Sesungguhnya di sisi Kami ada belunggu-belunggu dan neraka yang menyala-nyala.
13. Dan ada makanan yang menjadikan pemakannya tercekik dan azab yang sangat pedih.
14. (Azab itu tetap berlaku) pada hari bumi dan gunung-ganang bergoncang (serta hancur lebur), dan gunung-ganang itu menjadi timbunan pasir yang berterbangan.
15. Sesungguhnya Kami telah mengutus kepada kamu (wahai umat Muhammad), seorang Rasul yang menjadi saksi terhadap kamu, sebagaimana Kami telah mengutus seorang rasul kepada Firaun.
16. Maka Firaun menderhaka kepada rasul itu, lalu Kami menyeksanya dengan azab yang sangat dahsyat.

رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَاتَّخِذْهُ
وَكَيْلًا ﴿٩﴾

وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَلَا تُهَاجِرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا ﴿١٠﴾

وَذَرْنِي وَالْمُكَذِّبِينَ أُولِي النَّعْمَةِ وَمَهِّلْهُمْ
قَلِيلًا ﴿١١﴾

إِن لَّدَيْنَا أَنكَالٌ وَجَحِيمًا ﴿١٢﴾

وَطَعَامًا ذَا غُصَّةٍ وَعَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣﴾

يَوْمَ تَرْجُفُ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ وَكَانَتِ الْجِبَالُ كَثِيبًا
مَّهِيلًا ﴿١٤﴾

إِنَّا أَرْسَلْنَا إِلَيْكَ رَسُولًا شَهِدًا عَلَيْكَ كَمَا
أَرْسَلْنَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ الرَّسُولَ فَأَخَذْنَاهُ أَخْدًا وَبَيَلًا ﴿١٦﴾

17. (Sekiranya kamu tidak ditimpakan azab di dunia), maka bagaimana kamu dapat menjaga dan menyelamatkan diri kamu jika kamu tetap kafir kepada hari yang (huru-haranya) menyebabkan kanak-kanak menjadi tua beruban?
18. Langit akan terbelah pada hari itu. Janji Allah pasti terlaksana.
19. Sesungguhnya ini adalah peringatan. Maka sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya, tentu dia mengambil jalan (yang lurus) kepada Tuhannya.
20. Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) mengetahui bahawasanya engkau bangun (bersolat Tahajjud) selama kurang daripada dua pertiga malam, atau selama satu perduanya, atau selama satu pertiganya. (Demikian juga dilakukan oleh) segolongan daripada orang yang bersama-samamu (kerana hendak menepati perintah yang terdahulu), sedangkan Allah jualah yang menentukan dengan tepat kadar masa malam dan siang. Dia mengetahui bahawa kamu tidak sama sekali akan dapat mengira dengan tepat kadar masa itu, lalu Dia menarik balik perintahNya yang terdahulu (dengan memberi kemudahan) kepada kamu. Oleh itu, bacalah apa yang mudah daripada al-

فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ
الْوِلْدَانَ شِيبًا ﴿١٧﴾

السَّمَاءُ مُنْفَطِرٌ بِهِ كَانَ وَعْدُهُ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾

إِن هَذِهِ تَذْكِرَةٌ فَمَنْ شَاءَ اتَّخَذْ إِلَىٰ رَبِّهِ
سَبِيلًا ﴿١٩﴾

﴿١٧﴾ إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِن ثُلُثِي اللَّيْلِ وَصَفَهُ
وَتِلْكَهُ، وَطَائِفَةٌ مِّنَ الَّذِينَ مَعَكَ وَاللَّهُ يُقَدِّرُ اللَّيْلَ
وَالنَّهَارَ عَلِيمٌ لِّأَنَّ خُبْرَهُ فَتَابَ عَلَيْكَ فَاقْرَأْ وَ مَا
تَيَسَّرَ مِنَ الْقُرْآنِ عَلِيمٌ أَن سَيَكُونُ مِنكُمْ مَّرْضَىٰ
وَأَ الْآخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن
فَضْلِ اللَّهِ وَآ الْآخَرُونَ يَقْتُلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ
فَاقْرَأْ وَ مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ
وَاقْرَأُوا وَاللَّهُ قَرِيبٌ حَسْبُكُمْ وَ مَا تَقْدِرُونَ لَ أَنفُسِكُمْ تَت
خَبَّرِكُمْ وَأَعْدَتُ اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ وَأَعْظَمُ أَجْرًا وَاسْتَغْفِرُوا
اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾

Quran (dalam solat). Dia juga mengetahui bahawa akan ada di kalangan kamu orang yang sakit, dan yang lainnya ialah orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki daripada kurniaan Allah, dan yang lainnya orang yang berjuang pada jalan Allah (membela agamaNya). Maka bacalah apa yang mudah daripada al-Quran, dan dirikanlah solat serta tunaikanlah zakat. Dan berilah pinjaman kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas). Dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu lakukan sebagai bekalan untuk diri kamu, pasti kamu akan mendapat balasannya di sisi Allah dengan balasan yang sebaik-baiknya dan amat besar pahalanya. Mohonlah ampun kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

